KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

15 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
15 DISEMBER 2022

HALAMAN:

ONLINE

Utusan X
Berita Harian
Metro
Kosmo!
Sinar
Star
New Straits Times
南洋商報
東方日報
Utusan Borneo
The Borneo Post
New Sabah Times

Kesedar pacu ekonomi digital PKS luar bandar

GUA MUSANG: Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) memacu ekonomi digital masyarakat luar bandar apabila mengagihkan bantuan tablet kepada 120 peserta menerusi Program Sokongan Perniagaan (PSP) dalam membantu perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang diusahakan mereka menjana pendapatan menerusi perdagangan elektronik atau e-dagang.

Pengurus Besarnya, Dr. Shahrir Mohammad Zakey berkata, usaha itu adalah satu inisiatif agensi berkenaan memudahkan peserta menjalankan perniagaan sekali gus mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian.

Jelas beliau, ini juga bagi meningkatkan sumber pendapatan sehingga 30 peratus seterusnya mengubah taraf kehidupan golongan sasar terbabit.

Menurutnya, Kesedar berharap program itu berjaya memberi suntikan dan dorongan kepada komuniti luar bandar untuk terus maju menjana pendapatan serta membantu membangunkan ekonomi di kawasan itu.



DR. SHAHRIR Mohammad Zakey (dua kiri) menyampaikan bantuan tablet kepada salah seorang peserta Program Sokongan Perniagaan Kesedar di Gua Musang, Kelantan semalam.

"PSP adalah program bantuan peniaga yang terdiri daripada pelbagai sektor perniagaan termasuk pembuatan dan perkhidmatan di kawasan ini meliputi penyediaan latihan dan kursus yang bersesuaian sebagai platform kepada peniaga mengembangkan perniagaan.

"Penggunaan tablet juga dilihat mampu memperluas dan menggalakkan pasaran produk perniagaan secara dalam talian sekali gus meningkatkan rangkaian perniagaan," katanya pada Majlis Penyerahan Tablet kepada 120 penerima di Dewan Dato' Ariffin Said, di sini semalam.

Sementara itu, seorang penerima, Nor Raihan Mohd Razak, 30, dari Taman Damar di sini berkata, dia mula mengusahakan gerai makanan dan minuman sejak tiga tahun lalu.

"Saya membuat permohonan tablet ini awal tahun dan tidak menyangka dipilih sebagai penerima. Kemudahan ini digunakan untuk mempromosikan produk-produk jualan yang ada di gerai saya. Terima kasih kepada Kesedar di atas bantuan ini kerana saya tidak mampu untuk membelinya sendiri," jelasnya.

Bagi peniaga nasi kukus, Mohamad Hafiz Mohd Nasir, 35, pula, bantuan tablet itu akan digunakan untuk merancakkan lagi jualannya secara dalam talian dengan lebih sistematik.

Katanya, dia berterima kasih kepada Kesedar kerana membantu dalam mendapatkan alat digital tersebut untuk mempromosikan perniagaan.

TARIKH:
15 DISEMBER 2022

HALAMAN:
20

ONLINE

UTUSAN SARAWAK

Tujuh Tabika lawat bomba Lawas

LAWAS: Sebelum bermula cuti hujung tahun, pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Lawas telah mengadakan lawatan sambil belajar untuk beberapa buah Taman Bimbingan Kanak-Kanak (tabika) KEMAS di Lawas.

Lawatan sambil belajar itu membabitkan tujuh Tabika KEMAS Daerah Lawas iaitu Tabika KEMAS Kampung Pa'puti, Tabika KEMAS kampung Ladang Baru A & B, Tabika KEMAS Kampung Long Sebangang, Tabika KEMAS Kampung Pa' kepulu, Tabika KEMAS Kampung Long Tukun dan Tabika KEMAS Kampung Banting.

Seramai 157 murid, guru pengiring dan ibu bapa menyertai lawatan berkenaan.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah ceramah keselamatan kebakaran kepada Ahli Kelab 3K (Berhenti, Rebah, Guling dan Merangkak Semasa Kebakaran), diikuti dengan demonstrasi pemadaman menggunakan alat pemadam api (Jenis Debu Kering) kepada Ibu bapa ahli Kelab 3K serta Pameran Jentera Bomba, Menaiki Jentera Bomba dan Menggunakan Peralatan Kebombaan.

Rombongan ini disambut mesra oleh Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Lawas, Azman Ibrahim yang turut menyampaikan ceramah kebombaan.



CERAMAH KEBOMBAAN... Azman Ibrahim menyampaikan ceramah mengenai pengenalan asas bomba dan penyelamat.